

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

25 FEBRUARI 2019

ISNIN



**AKHBAR**

**TAJUK BERITA**

**M/S**

HARIAN METRO

KONVOI 670KM SEMARAK FLLSPG

2



# HARIAN METRO


## Konvoi 670km semarak FLLSPG

**Pasir Gudang:** Promosi Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) yang berlangsung pada 27 Februari hingga 3 Mac depan di-pergiatkan menerusi konvoi bermotosikal anggota dan pegawai Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) ke seluruh negeri bermula semalam.

Konvoi dikenali sebagai Jelajah Johor Bermotosikal MPPG Bikers itu disertai 23 penunggang dan merentasi beberapa daerah di negeri ini bagi mempromosikan FLLSPG edisi ke-24.

Yang Dipertua MPPG, Zainor Adani berkata, konvoi berkenaan berhenti di beberapa *check point* untuk mempromosikan FLLSPG selama empat hari sehingga 27 Februari ini.

"Konvoi 670 kilometer ini membabitkan pengedaran risalah promosi di samping aktiviti interaktif bersama masyarakat seperti Lolipop



ACARA pelepasan Jelajah Johor Bermotosikal MPPG Bikers di hadapan Menara Aqabah, semalam.

Drop, menerbangkan wau dan layang-layang, selain Pop Kuiz dan tawaran pelbagai hadiah menarik.

"FLLSPG menonjolkan tema menerusi Keindahan Budaya (*The Beauty Of Culture*) yang mengentengahkan keindahan budaya di seluruh dunia termasuk budaya permainan layang-layang.

"Acara pelepasan Jelajah Johor Bermotosikal MPPG Bikers bermula di Menara Aqabah di sini, seawal jam 10 pagi disertai 20 motosikal terdiri daripada kakitangan MPPG dan lapan pegawai pengiring daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Zainor berkata, konvoi itu melawat Sedili, Mersing, Yong Peng, Segamat, Tang-



kak, Ayer Hitam, Senai dan berakhir di Bukit Layang-layang, Taman Bandar dekat sini.

Majlis perasmian FLLSPG berlangsung jam 8.30 malam, 1 Mac depan di Astaka Muzium Layang-Layang, Taman Bandar.

Lebih 300 tapak gerai pelbagai jualan dan pameran disediakan, selain pertunjukan pentas serta persembahan kebudayaan pada waktu malam dengan kehadiran artis jemputan termasuk kumpulan kebudayaan bagi memeriahkan festival.

